

27 SEP 2003

Mahathir-Jawatan

DR MAHATHIR SANDANG JAWATAN PM HINGGA 31 OKT

Oleh: Jackson Sawatan

MONACO, 27 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan menyandang jawatan Perdana Menteri sehingga 31 Oktober ini dan sudah membuat keputusan muktamad mengenai perkara itu.

Dr Mahathir berkata beliau akan meletakkan jawatan itu pada hari terakhir Oktober dan tidak akan mengingkari kata-katanya sendiri kerana nanti itu akan menyebabkan beliau hilang kredibiliti.

Perdana Menteri berkata demikian semasa menjawab soalan wartawan Malaysia berhubung peletakkan jawatannya pada bulan depan seperti yang telah dinyatakannya semasa perhimpunan Agung Umno pada tahun lepas dan mengenai keraguan sesetengah pihak berhubung hasrat beliau itu.

Terdahulu Dr Mahathir mengadakan perjumpaan bersama pelajar Malaysia yang menuntut di Perancis, di sini, hari ini.

Menjawab satu soalan mengenai sebab masih timbul keraguan sesetengah pihak, Dr Mahathir berkata: "Ada orang yang fikir takkanlah dia nak letak jawatan dengan kuasa yang begitu besar, duduk begitu tinggi dan menikmati kehidupan di puncaknya."

Ini kerana mereka fikir jika mereka berada di tempat seperti itu mereka tidak akan melepaskannya, kata beliau.

"Khabar angin kita tak dapat elak terutamanya daripada parti pembangkang...seperti kata Pas takkanlah dia nak letak jawatan tapi dah berapa kali dah ramalan mereka tak kena," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, Pas juga akan membuat pelbagai andaian termasuk pembentangan bajet 2004 yang didakwa mereka sebagai pilihan raya.

"Tiap-tiap kali kita buat bajet, mereka kata ini bajet untuk pilihan raya...dah tiga bajet (dibentangkan sejak pilihan raya umum 1999). Kali ini betul ramalan mereka kerana selepas Bajet 2004, kita tidak dapat mengelak daripada mengadakan pilihan raya," kata beliau.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata beliau akan terus menyumbang kepada parti dan berkempen pada pilihan raya atas kapasiti sebagai anggota biasa bagi memastikan parti terus berkuasa.

Mengenai kemungkinan peralihan kepimpinan dalam parti mungkin menyebabkan berlaku perubahan yang tidak lagi serasi dengan pendekatan beliau sebelum ini, Dr Mahathir berkata beliau tidak fikir akan berlaku perubahan yang banyak.

"Mungkin tak sama 100 peratus tetapi secara umum, parti masih lagi berjuang dalam cara yang sama. (Lainlah) kalau parti berubah jadi sosialis atau macam Pas, tapi saya tak fikir akan jadi macam tu. Falsafah parti sudahpun ditetapkan dan ia akan berterusan."

"Sebenarnya ia telahpun ditetapkan oleh Perdana Menteri pertama (Tunku Abdul Rahman) dan kita telah meneruskan dengan dasar yang sama dan saya tidak berpendapat pemimpin-pemimpin berikutnya akan mengubah dasar itu kerana ia berbahaya untuk berbuat demikian," kata beliau.

Semasa menemui para pelajar itu, Dr Mahathir menekankan pentingnya Malaysia mempunyai rakyat yang berilmu dan berkemahiran tinggi bagi membangunkan negara.

Kerajaan, kata beliau, telah memperuntukkan 26 peratus daripada bajetnya untuk pendidikan dan ini mencerminkan kesungguhan negara untuk cemerlang dalam bidang ilmu.

Beliau menasihati pelajar Malaysia di luar negara supaya menumpukan perhatian kepada usaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dan kembali untuk menyumbangkan tenaga kepada pembangunan negara.

-- BERNAMA
JS HK PR